

PELAKSANAAN SOLAT DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM DI
KOLEJ KOMUNITI NEGERI JOHOR

HASNA BIN BIDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PELAKSANAAN SOLAT DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM DI
KOLEJ KOMUNITI NEGERI JOHOR

HASNA BIN BIDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi daripada syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2016

DEDIKASI

Terima kasih yang tidak terhingga buat
Kedua ibu bapa kesayanganku Halimah binti Othman dan Bidin bin Hassan
Isteri tercinta Siti Rodziah binti Mastor
Anak-anak yang dikasihi Siti Khadijah binti Hasna
Adik beradik yang sentiasa membakar semangat, Keluarga dan saudara mara
yang dihormati
Sahabat yang sentiasa di sisi Ahmad Syukran bin Baharudin, Suhaimi bin Zakaria
@ Othman dan Hazwan bin Hassim
Semoga kehidupan kalian sentiasa dilimpahi rahmat Allah SWT di dunia dan
akhirat. Kasih sayang ku buat kalian kekal abadi..

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya, rahmatnya dan kurniannya, dapat saya menyiapkan tesis untuk pengajian di Peringkat Sarjana Falsafah ini. Saya ingin melahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih buat Prof Madya Dr Hj Mohd Ismail bin Mustari selaku penyelia saya kerana beliau telah membimbing saya, memberikan kata-kata semangat dan tunjuk ajar agar saya sentiasa bersungguh-sungguh dalam proses menyiapkan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr Adibah binti Abdul Latif, Prof Madya Dr Ajmain bin Safar dan Dr Wan Hassan bin Wan Embong kerana sudi meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan, panduan dan respon atas segala pertanyaan saya dengan sebaik-baiknya. Selain itu juga, segala perkongsian pengalaman mereka ini disamping nasihat dan pandangan amatlah dihargai serta disanjung tinggi.

Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah membiayai pengajian saya. Begitu juga sekalung penghargaan buat Dekan Fakulti Tamadun Islam, Prof Dr Kamaruzzaman bin Yusof, Timbalan Dekan, Prof Madya Dr Ramli bin Awang, kakitangan akademik dan para pensyarah Fakulti Tamadun Islam, kakitangan Sekolah Pengajian Siswazah UTM dan Fakulti Tamadun Islam kerana banyak membantu melicinkan proses perjalanan sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Segala jasa baik yang diberikan akan diingati selalu dan semoga segala kerjasama yang diberikan akan memperolehi ganjaran pahala dari Allah SWT.

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Hal ini kerana isu pemahaman dan pengamalan solat yang lemah dalam kalangan pelajar Muslim di Kolej Komuniti sering ditimbulkan oleh pelbagai pihak terutamanya para pensyarah. Objektif kajian ini mengandungi lima skop utama iaitu tahap pengetahuan solat, pelaksanaan solat, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menunaikan solat fardu, faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk meninggalkannya dan kesan-kesan yang dirasakan oleh pelajar hasil daripada menunaikan solat fardu. Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 419 orang daripada 1408 pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Metod kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan soal-selidik. Manakala data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package For Social Sciences*” (SPSS) versi 20.0 untuk melihat statistik deskriptif bagi mendapatkan nilai min, peratus, sisihan piawai dan statistik inferensi korelasi Pearson bagi melihat hubungan di antara pembolehubah. Nilai kebolehpercayaan item soal-selidik yang diperolehi daripada kajian ini melalui kajian rintis adalah tinggi dengan *Alpha Croanbach* sebanyak 0.957. Selain itu, kesahan isi dan kandungan yang dilakukan melalui persetujuan pakar pula mencatat keputusan yang sangat tinggi dengan nilai purata keseluruhan *Cohen Kappa* sebanyak 0.93. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar yang tinggi tentang solat masih belum menghasilkan amalan solat yang konsisten. Hal ini dibuktikan dengan pelaksanaan solat pelajar yang sederhana dan masih perlu diperbaiki. Dapatan berikutnya menunjukkan bahawa faktor dominan seseorang pelajar menunaikan solat ialah didikan ibubapa manakala faktor dominan pelajar meninggalkan solat pula ialah sikap malas. Seterusnya dapatan keputusan analisis bagi kesan yang diperolehi daripada solat dari aspek rohani menunjukkan beberapa kesan yang tinggi terhadap akidah dan akhlak. Sebaliknya tidak ada langsung kesan yang tinggi terhadap ibadah menunjukkan pelajar masih perlu didorong untuk melaksanakan solat seharian. Kesimpulan daripada kajian ini, penyelidik mencadangkan agar sebarang penambahbaikan terhadap pelaksanaan solat pelajar perlu dilakukan dengan menganjurkan pelbagai program, kursus dan kem solat bagi meningkatkan kesedaran dan amalan solat mereka dalam kehidupan seharian.

ABSTRACT

This study aims to determine the daily implementation of solat (prayer) among the Muslim students of Johor Community College. This is due to the fact that many people especially the lecturers believed that the understanding and implementation of solat is weak among the student. This study contains five main objectives; the religious knowledge of solat, the practice of solat, the main factors that influence the students to perform the obligatory solat, the factors that influence them to disobey the compulsory solat and the effects felt by students performing the obligatory solat. The respondents in this study consist of randomly selected Muslim students from the Johor Community Colleges. A total of 419 from 1408 Muslim students were selected for this purpose. The methodology of the study is the use of quantitative methods through questionnaires survey. The data were analyzed using the software "*Statistical Package for Social Sciences*" (SPSS) version 20.0 for descriptive statistics to obtain mean, percentage, standard deviation and Pearson correlation statistical inference for the relationship between variables. The reliability of the questionnaire items derived from this study through the pilot study was high with *Croanbach Alpha* of 0.957. In addition, the content and validity of the content through the approval of experts also noted the results of a very high overall average *Cohen Kappa* value of 0.93. Results showed that high knowledge regarding the solat has not resulted in consistent practice of prayer. This is because the implementation of solat is only at moderate level and still need to be improved. Subsequent findings showed that the dominant factor for students performing solat were parent's upbringing whilst the dominant factor for students leaving solat were their own lazy attitude. Further findings also indicated that the effect of solat towards faith and morality showed a high impact to the students. However, there is no high direct impact on the regular practice of solat. Thus the study recommends more programs, courses as well as solat camps to be organized for the students in order to increase awareness and motivate them to practice solat in their daily life.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xviii
	CATATAN TRANSLITERASI	xix
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Hipotesis Kajian	7
	1.7 Teori dan Kerangka Kajian	8
	1.7.1 Teori Kajian	8

1.7.2	Kerangka Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Batasan Kajian	13
1.10	Definisi Istilah	14
1.10.1	Solat	14
1.10.2	Pengetahuan	14
1.10.3	Pelaksanaan	15
1.10.4	Kolej Komuniti	15
1.11	Kesimpulan	16
2	KAJIAN KEPUSTAKAAN	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Teoritikal Kajian	18
2.3	Konsep Solat dan Teorinya	19
2.3.1	Solat dan Aqidah	20
2.3.2	Solat dan Ibadah	21
2.3.3	Solat dan Akhlak	22
2.4	Konsep Pelaksanaan Solat dan Teorinya	23
2.4.1	Teori al-Ghazali berkaitan Pelaksanaan Solat	24
2.4.2	Teori ulama' kontemporari berkaitan Pelaksanaan Solat	25
2.5	Definisi Solat	28
2.5.1	Pengertian Solat	28
2.5.2	Hukum dan Dalil Kewajipan Solat	28
2.6	Martabat dan Kedudukan Solat	29
2.6.1	Solat Menghapuskan Dosa	30
2.6.2	Solat Mendekatkan Hamba dengan Allah SWT	31
2.7	Tuntutan Solat Berjemaah	31
2.7.1	Hikmah Solat Berjemaah	32

2.7.2	Fadhilat Solat Berjemaah	32
2.7.3	Hukum Solat Berjemaah	33
2.8	Hukuman dan Balasan Meninggalkan solat di Dunia dan di Akhirat	34
2.8.1	Hukum Meninggalkan Solat Fardu kerana Ingkar kepada Perintah Syara'	35
2.8.2	Hukum Meninggalkan Solat Fardu dengan Sengaja tetapi tidak ingkar kepada Perintah Syara'	35
2.8.3	Hukuman Meninggalkan Solat dengan Sengaja	38
2.9	Ciri-Ciri Pelaksanaan Solat Yang Dituntut	39
2.9.1	Menyucikan Tubuh Badan, Pakaian dan Tempat Solat Serta Jiwa Daripada Segala Kekotoran	40
2.9.2	Melaksanakan Solat di Awal Waktu	40
2.9.3	Menggantikan Solat Yang Tertinggal	41
2.9.4	Dilakukan Dengan Berjemaah	41
2.9.5	Dilakukan di Masjid	42
2.9.6	Menyempurnakan Amalan Solat Dengan Cara Yang Sebaik-baiknya	43
2.9.7	Dilaksanakan Solat Dengan Penuh Khusyuk	44
2.10	Faktor Umat Islam Menunaikan dan Meninggalkan Solat Fardu	45
2.10.1	Faktor-Faktor Umat Islam Menunaikan Solat	46
2.10.2	Faktor-Faktor Umat Islam Meninggalkan Solat	49
2.11	Kesan Ibadah Solat Terhadap Diri Seseorang Muslim	52
2.11.1	<i>Ikhlas</i> Dalam Amal Perbuatan	53
2.11.2	<i>Taqwa</i> Kepada Allah SWT	56

2.11.3	<i>Ihsan</i> Dalam Segala Amal Perbuatan	58
2.11.4	Mencontohi Sunnah Rasulullah SAW Dalam Beribadah	60
2.11.5	<i>Tawakkal</i> Kepada Allah SWT	62
2.11.6	Bersyukur Kepada Allah SWT Di atas Segala Nikmatnya	66
2.11.7	Sabar Terhadap Segala Ujian dan Bencana	69
2.11.8	<i>Al-Mahabbah</i> (Cinta Kepada Allah SWT, Rasulullah dan Sesama Islam)	72
2.11.9	Taubat Kepada Allah SWT	74
2.12	Kajian–Kajian Lepas	78
2.12.1	Tesis-tesis sarjana berkaitan Solat	78
2.13	Kesimpulan	82
3	METODOLOGI KAJIAN	84
3.1	Pengenalan	84
3.2	Reka Bentuk Kajian	84
3.2.1	Peringkat I: Mereka Bentuk Instrumen	85
3.2.2	Peringkat II: Pengesahan Instrumen	85
3.2.3	Peringkat III: Pentadbiran Instrumen	86
3.3	Tempat Kajian	87
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	88
3.4.1	Teknik Persampelan	88
3.5	Instrumen Kajian	90
3.5.1	Bahagian A : Maklumat Diri Responden	91
3.5.2	Bahagian B: Soal-Selidik Tahap Pengetahuan Solat	92
3.5.3	Bahagian C: Soal-Selidik Tahap Pelaksanaan Solat	92

3.5.4	Bahagian D: Soal-Selidik Berkaitan Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Untuk Melaksanakan Solat Fardu	93
3.5.5	Bahagian E: Soal-Selidik Berkaitan Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Untuk Meninggalkan Solat Fardu	93
3.5.6	Bahagian F: Kesan Yang Dirasai Oleh Pelajar Hasil Daripada Solat	94
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	95
3.6.1	Kebolehpercayaan	96
3.6.2	Kesahan	97
3.7	Prosedur Pengendalian Instrumen	98
3.8	Penganalisan Data	99
3.8.1	Statistik Deskriptif	99
3.8.2	Statistik Inferensi (Korelasi Pearson)	100
3.9	Kajian Rintis	102
3.9.1	Nilai Kebolehpercayaan	103
3.9.2	Nilai Kesahan	104
3.10	Kesimpulan	108
4	ANALISIS DATA	110
4.1	Pengenalan	110
4.2	Analisis Demografi Responden	111
4.2.1	Taburan Jantina Responden Mengikut Kolej	111
4.2.2	Taburan Umur Responden Mengikut Kolej	112
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Kolej	114
4.2.4	Taburan Program Responden Mengikut Kolej	115

4.2.5	Taburan Keputusan Subjek Pendidikan Islam Responden di dalam SPM Mengikut Kolej	116
4.2.6	Taburan Tahap Jawi Responden Mengikut Kolej	120
4.2.7	Taburan Tahap Pembacaan Al-Quran Responden Mengikut Kolej	121
4.3	Analisis Deskriptif	123
4.3.1	Tahap Pengetahuan Solat Fardu	123
4.3.2	Tahap Pelaksanaan Solat Fardu	126
4.3.3	Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Menunaikan Solat Fardu	130
4.3.4	Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Meninggalkan Solat Fardu	133
4.3.5	Kesan Terhadap Diri Hasil Daripada Menunaikan Solat Fardu	136
4.4	Analisis Korelasi	142
4.4.1	Hubungan Di antara Pengetahuan Solat Dengan Pelaksanaan Solat	143
4.4.2	Hubungan Di antara Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Dalam Menunaikan Solat Dengan Tahap Pelaksanaan Solat	144
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	146
5.1	Pendahuluan	146
5.2	Perbincangan	146
5.2.1	Perbincangan Hasil Dapatan Maklumat Peribadi Responden	147
5.2.2	Perbincangan Hasil Dapatan Tahap Pengetahuan Solat Fardu Dalam Kalangan Responden	149

5.2.3	Perbincangan Hasil Dapatan Tahap Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Responden	153
5.2.4	Perbincangan Hasil Keputusan Faktor Yang Mempengaruhi Responden Untuk Menunaikan Solat	158
5.2.5	Perbincangan Hasil Keputusan Faktor Yang Mempengaruhi Responden Untuk Meninggalkan Solat	161
5.2.6	Perbincangan Keputusan Kesan Yang Dirasai Oleh Responden Hasil Daripada Menunaikan Solat	165
5.2.7	Perbincangan Hasil Dapatan Keputusan Analisis Ujian Korelasi Pearson Mengenai Hubungan Tahap Pengetahuan Solat Dengan Pelaksanaannya Dalam Kalangan Responden	175
5.2.8	Perbincangan Keputusan Hasil Dapatan Analisis Ujian Korelasi Pearson Mengenai Hubungan Pelaksanaan Solat Dengan Faktor Menunaikannya Dalam Kalangan Responden	176
5.3	Rumusan dan Implikasi Kajian	177
5.4	Cadangan Tindakan Kajian	183
5.5	Cadangan-Cadangan Kajian Lanjutan	184
5.6	Kesimpulan	185
	RUJUKAN	186
	LAMPIRAN	200

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1:	Senarai Jumlah Pelajar-Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Johor	87
3.2:	Aras Pemeringkatan Skala Likert	92
3.3:	Interpretasi Skor Min	95
3.4:	Aras Nilai Pekali Kebolehpercayaan	96
3.5:	Interpretasi Skor Min Mengikut Tahap	100
3.6:	Klafikasi Kekuatan Korelasi (Rowantree,1981)	101
3.7:	Kaedah Penentuan Statistik Bagi Proses Penganalisan Data	102
3.8:	Nilai Skor <i>Cronbach's Alpha</i> Bagi Setiap Bahagian Dalam Soal Selidik	103
3.9:	Skala Persetujuan <i>Cohen Kappa</i>	104
3.10:	Nilai Persetujuan Antara Pakar Penilai Bagi Keseluruhan Item	105
3.11:	Nilai Persetujuan Antara Pakar Penilai Bagi Setiap Konstruk	105
3.12:	Nilai Pekali Pencapaian Kesahan Kandungan Item Mengikut Pakar	106
3.13:	Dimensionaliti Instrumen	108
4.1:	Taburan Jantina Responden Mengikut Kolej	111
4.2:	Taburan Umur Responden Mengikut Kolej	112
4.3:	Taburan Responden Mengikut Kolej	114
4.4:	Taburan Program Responden Mengikut Kolej	115

4.5:	Taburan Keputusan Subjek Pendidikan Islam Responden Di Dalam SPM Mengikut Kolej	116
4.6:	Taburan Tahap Jawi Responden Mengikut Kolej	120
4.7:	Taburan Tahap Pembacaan Al-Quran Responden Mengikut Kolej	121
4.8:	Tahap Pengetahuan Solat Fardu	123
4.9:	Tahap Pengetahuan Solat Fardu Berdasarkan Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item	124
4.10:	Tahap Pelaksanaan Solat Fardu	126
4.11:	Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Berdasarkan Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item	126
4.12:	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Bagi Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Menunaikan Solat Fardu	130
4.13:	Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Menunaikan Solat	131
4.14:	Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Menunaikan Solat Fardu Berdasarkan Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item	131
4.15:	Nilai Skor Min Dan Sisihan Piawai Keseluruhan Bagi Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Meninggalkan Solat Fardu	133
4.16:	Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Meninggalkan Solat	134
4.17:	Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Meninggalkan Solat Fardu Berdasarkan Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item	134
4.18:	Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Bagi Kesan Terhadap Diri Hasil Daripada Menunaikan Solat Fardu	136
4.19:	Kesan Terhadap Diri Hasil Daripada Menunaikan Solat Fardu	137

4.20:	Kesan Terhadap Diri Hasil Daripada Menunaikan Solat Fardu Berdasarkan Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item	138
4.21:	Hubungan Di Antara Tahap Pengetahuan Solat Dengan Tahap Pelaksanaan Solat	143
4.22:	Hubungan Di Antara Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Menunaikan Solat Fardu Dengan Tahap Pelaksanaan Solat	144

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1:	Teori al-Ghazali (<i>Kitab Ayyuhal Walad</i> , 1993: 18 dan <i>Kitab Mizan al- 'Amal</i> , 1964:7)	8
1.2:	Kerangka Kajian Tahap Pengetahuan dan Pelaksanaan Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Johor	9
5.1:	Unsur-Unsur Penting Dalam Pelaksanaan Solat	179
5.2:	Faktor Terpenting Yang Mempengaruhi Kecenderungan Responden Kearah Menunaikan Solat dan Meninggalkannya	180
5.3	Kesan Solat Dalam Diri Responden Dari Aspek Rohani Terhadap Aqidah, Ibadah dan Akhlak	181

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

SWT	-	Subhanahu Wa Ta'ala
SAW	-	Sallallahu 'alaihi Wasallam
DR	-	Doktor
TATiUC	-	Terengganu Advanced Technical Institute University College
URK	-	Unit Rundingcara Keluarga
BPPK	-	Bahagian Perkahwinan Pembangunan Keluarga
JAWI	-	Jabatan Agama Wilayah Persekutuan
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PSPTN	-	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Nasional
JERI	-	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual
JPKK	-	Jabatan Pengajian Kolej Komuniti

CATATAN TRANSLITERASI

Consonants (Jasmi, 2012):

Arabic	Transliterasi English	Arabic	Transliterasi English
ا, ء :	'A	ص :	S
ب :	B	ض :	D
ت :	T	ط :	T
ث :	TH	ظ :	Z
ج :	J	ع :	'
ح :	H	غ :	GH
خ :	KH	ف :	F
د :	D	ق :	Q
ذ :	DH	ك :	K
ر :	R	ل :	L
ز :	Z	م :	M
س :	S	ن :	N
ش :	SH	و :	W
ه :	H	ي :	Y

Diftong (Jasmi, 2012)

Arabic	Transliterated English	Arabic	Transliterated English
أي :	ay	أو :	aw

Vowels (Jasmi, 2012):

Arabic	Transliterated English
آ :	a
إي :	i
أو :	u

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Soal-Selidik	
B	Surat Kebenaran Kajian	
C	Jurnal yang telah diterbitkan	
D	Sijil Pembentangan Seminar	

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Solat merupakan asas dan tiang agama dalam Islam. Solat juga adalah merupakan rukun Islam yang kedua sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Umar ra, iaitu (Bukhari, 2001:8; Muslim,1999:16) :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: "Dari ibn Umar ra, katanya: Rasulullah SAW bersabda: "Islam itu dibina dan ditegakkan diatas lima dasar (lima rukun), iaitu mengucap dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Merujuk kepada huraian yang dinyatakan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani (1997:83) bahawa hadis di atas menunjukkan bahawa iman itu bermula dengan *tasdiq bil Qalbi* (keyakinan), *tasdiq bil lisan* (mengucap syahadah) dan kemudiannya *‘amal bil jawarih au bil arkan* (beramal dengan anggota) seperti solat, zakat, puasa dan haji. Dari itu, jika dilihat dalam turutan amalan-amalan Islam yang disebut sebagai *‘amal bil jawarih au bil arkan*, maka solat adalah ibadah yang paling utama dan menjadi asas dalam Islam.

Oleh yang demikian, kewajipan solat ini merupakan perintah Allah SWT yang penting dan mempunyai kesan positif kepada perjalanan hidup manusia. Bagi mencapai kedudukan dalam golongan orang yang beriman, hendaklah didirikan solat dengan sempurna disamping mendekati diri kepada Allah SWT dan bertaqwa kepadanya. Hasil daripada mengerjakan solat dapat memelihara manusia daripada melakukan perbuatan keji, mungkar dan maksiat (Nor Dalilah & Raihanah,2012:1).

1.2 Latar Belakang Masalah

Senario masa kini semakin meruncing apabila kebaikan dan hikmah yang terdapat dalam sembahyang sudah tidak diambil peduli oleh masyarakat Islam hari ini. Situasi ini menyokong kenyataan Hanafi Mohamed (2011:3-4) dalam memperkatakan sikap umat Islam di Malaysia dalam menunaikan ajaran Islam khususnya ibadah solat kebanyakannya ramai yang mengabaikan sembahyang. Selain itu, terdapat ramai juga umat Islam yang tidak konsisten menunaikan sembahyang setiap hari. Bagi golongan remaja pula, mereka adalah merupakan suatu golongan umat Islam yang paling ramai didalam masyarakat. Corak kehidupan mereka pula sentiasa diliputi dengan pelbagai cabaran dan pengaruh yang boleh menjejaskan imej dan maruah sebagai remaja yang beriman (Hanafi Mohamed,2011:8).

Jika dilihat kepada kajian–kajian lepas berkaitan pengamalan remaja khususnya pelajar tentang solat, maka hasil keputusannya adalah lemah dan mendukacitakan. Hal ini telah dibuktikan dengan kajian Hilmi Ismail (2010) yang mendapati bahawa kebanyakan mahasiswa TATi University College, Kemaman Terengganu telah mempunyai pengetahuan asas solat fardu yang baik namun pengamalan solat fardu mereka berada dalam situasi yang membimbangkan dengan hanya 36% sahaja yang konsisten menunaikan solat fardu lima waktu setiap hari.

Fenomena sedemikian juga berlaku di Kolej-kolej Komuniti berpunca daripada pelajar-pelajar muslim yang kurang ilmu pengetahuan berkaitan solat fardu dan pelaksanaannya. Hal yang demikian ini telah dinyatakan oleh Nursafra *et al.* (2012:3-4) bahawa penguasaan pelajar dalam amali ibadah-ibadah khusus dan pengamalannya juga adalah merupakan isu yang membimbangkan. Dapatan menunjukkan seramai 10% pelajar muslim di Kolej Komuniti Jelevu gagal menguasai bacaan tahiyat akhir, 39% pelajar lagi gagal menguasai amali wuduk dengan sempurna serta terdapat juga kelemahan dalam penguasaan bacaan-bacaan sunat seperti doa iftitah dan doa qunut. Kegagalan pelajar-pelajar menguasai perkara rukun dalam wuduk dan solat mesti di atasi dengan segera kerana mereka telah mempelajari asas fardu ain sejak di sekolah rendah dan sekolah menengah lagi. Manakala isu pengamalan solat dalam kehidupan seharian pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Jelevu pula menunjukkan pelajar tidak bermotivasi untuk mengerjakan sembahyang. Menurut Nursafra *et al.* (2012:5), terdapat sebanyak 100% responden iaitu 31 orang meninggalkan solat fardu lima waktu disebabkan faktor malas, pengaruh rakan dan tidak dibimbing oleh kedua ibu bapa. Mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar semester akhir pengajian Sijil Sepenuh Masa di Kolej tersebut.

Selain itu, masalah tersebut turut berlaku di Kolej-kolej negeri lain antaranya Kolej Komuniti Selandar, Melaka. Menurut Rahmat & Mohd Thoriq (2012:5), kajian ke atas pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti tersebut mendapati bahawa tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu mereka seharian berada pada tahap yang sederhana. Manakala kajian yang dilakukan ke atas pelajar-pelajar muslim di Kolej

Komuniti Bayan Baru, Pulau Pinang pula mendapati bahawa kesedaran pelajar untuk menunaikan solat mereka seharian berada dalam situasi yang membimbangkan. Hal ini terbukti kerana jumlah peratusan pelajar yang tidak menggantikan solat-solat fardu mereka yang telah ditinggalkan adalah lebih tinggi daripada jumlah pelajar yang menggantikan solat (Hasnah,2012:8).

Oleh yang demikian, umat Islam di Malaysia amnya dan para remaja khususnya terutamanya pelajar perlu sedar akan kewajipan solat fardu dan perlu memahaminya dan mempelajari solat fardu dari semasa ke semasa agar pelaksanaannya lebih betul dan menepati ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan ke atas pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor bagi mengenalpasti pelaksanaan solat mereka seharian sama ada berada pada tahap yang baik atau sebaliknya. Hal ini kerana belum ada kajian terhadap pelaksanaan solat pelajar-pelajar di seluruh Kolej Komuniti Johor yang dilakukan sebelum ini oleh mana-mana penyelidik. Walau bagaimanapun, penyelidik sendiri pernah melakukan kajian terhadap pelajar-pelajar muslim di salah sebuah Kolej Komuniti di Johor berkaitan tahap kefahaman dan pelaksanaan solat. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan pemahaman solat pelajar-pelajar di Kolej tersebut adalah memuaskan tetapi pelaksanaan solat mereka seharian adalah lemah dan mendukacitakan (Hasna,2012:8). Namun begitu, kajian tersebut yang hanya tertumpu di sebuah kolej sahaja tidak boleh dijadikan ukuran untuk menggambarkan situasi sebenar pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di semua Kolej Komuniti Johor secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, hasil penyelidikan yang dijalankan ini dapat melihat sama ada fenomena lemahnya penguasaan dan pengamalan solat yang terjadi di Kolej Komuniti di negeri lain turut sama dialami di Kolej Komuniti Johor atau sebaliknya.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh penyelidik berkaitan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor akan memberi pendedahan betapa pentingnya solat dalam kehidupan pelajar Islam masa kini terhadap aspek rohani. Kejayaan seseorang pelajar bukanlah terletak pada kecemerlangan akademiknya semata-mata tetapi apa yang lebih penting adalah sahsiah dan akhlak yang mulia kesan daripada solat yang dilakukan dengan sempurna adalah merupakan kunci kejayaan sebenar seseorang pelajar itu (Wan Ismail,200:9).

Seterusnya, kajian ini ingin menegaskan bahawa isu yang melanda pelajar-pelajar Islam dalam kes lemahnya pemahaman terhadap solat dan pelaksanaannya adalah merupakan isu besar yang sepatutnya lebih diberi penekanan serius oleh semua pihak. Namun apa yang menyedihnya, isu seumpama ini sering dipandang remeh oleh masyarakat sehingga tidak menganggapnya sebagai isu hangat yang perlu diperbesarkan. Hakikatnya, tanggapan yang seumpama ini adalah tersasar jauh kerana isu ini adalah ibu segala permasalahan yang menjadi punca merebaknya banyak penyakit-penyakit sosial yang lain. Hasil daripada segala kerosakan dan penyakit sosial yang menimpa golongan masyarakat khususnya remaja adalah kesan daripada sikap mereka yang sering meninggalkan solat dan tidak konsisten dalam menunaikannya setiap hari (Syukri *et. al*, 2014:2).

Oleh yang demikian, bagi tujuan melahirkan generasi unggul khususnya pelajar yang merupakan pemangkin kecemerlangan di masa akan datang, maka penyelidikan berkaitan solat ini dirasakan amat signifikan untuk mencapai hasrat murni tersebut dan usaha seumpama ini perlu digembeleng dengan berterusan dari masa ke semasa. Kesannya amat besar ke arah membentuk dan melahirkan modal insan yang beriman dan berakhlak serta bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara. Melalui pelaksanaan solat yang konsisten setiap hari, pelajar dapat menjadi insan yang menyeimbangkan tuntutan agama dengan urusan kehidupan dunia yang semakin mencabar bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Sebaliknya, jika amalan solat diabaikan boleh mendatangkan kesan buruk yang menusnahkan peranan pelajar sebagai remaja dan warganegara yang berperibadi mulia. Negara yang gagal

melahirkan modal insan yang berkualiti dan berintegriti dimasa akan datang bakal menghadapi isu jenayah dan gejala sosial yang berpanjangan tanpa berkesudahan (Noriani,2009).

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Secara khusus, objektif kajian adalah:

- a. Mengenal pasti tahap pengetahuan dan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor.
- b. Menganalisis faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar muslim dalam menunaikan dan meninggalkan solat fardu.
- c. Menilai kesan terhadap diri pelajar-pelajar muslim hasil daripada menunaikan solat fardu.
- d. Mengkaji hubungan di antara pengetahuan solat dengan pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor.
- e. Mengkaji hubungan di antara faktor yang mempengaruhi responden dalam menunaikan solat dengan pelaksanaan solat

1.5 Persoalan Kajian

Secara amnya, kajian ini dilakukan untuk meninjau persoalan-persoalan berikut:

- a. Apakah tahap pengetahuan solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor?
- b. Apakah tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor?
- c. Apakah faktor yang mempengaruhi responden dalam menunaikan solat fardu?

- d. Apakah faktor yang mempengaruhi responden dalam meninggalkan solat fardu?
- e. Apakah kesan terhadap diri responden hasil daripada menunaikan solat fardu?
- f. Adakah terdapat hubungan di antara pengetahuan solat dengan pelaksanaan solat pelajar?
- g. Adakah terdapat hubungan di antara faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menunaikan solat dengan pelaksanaan ibadat solat?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini dibentuk bagi menjawab beberapa persoalan berdasarkan objektif kajian. Kaedah penganalisan Korelasi Pearson akan digunakan bagi menguji semua hipotesis dibawah:

H_{o1} –Tiada hubungan yang signifikan di antara tahap pengetahuan solat dengan tahap pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor Darul Ta'zim.


H_{o2} –Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor ibu bapa dengan tahap pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor Darul Ta'zim.

H_{o3} –Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor sikap aktif dengan tahap pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor Darul Ta'zim.

H_{o4} – Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor rakan sebaya dengan tahap pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor Darul Ta'zim.

1.7 Teori dan Kerangka Kajian


1.7.1 Teori Kajian



Rajah 1.1: Teori al-Ghazali (*Kitab Ayyuhal Walad*, 1993: 18 dan *Kitab Mizan al-Amal*, 1964:7)

Di dalam menghuraikan tentang teori ilmu dan amal serta hubungkait diantara kedua-duanya, seorang sarjana Islam terkemuka iaitu al-Ghazali (1993:18) telah menegaskan kepada murid-muridnya bahawa ilmu yang dipelajari tanpa diamalkan adalah suatu perbuatan yang terpesong, manakala beramal tanpa ilmu akan sia-sia dan tiada berfaedah. Perbuatan yang sedemikian itu mengundang malapetaka dan jauh dari rahmat Allah SWT. Didalam kitabnya yang lain pula, al-Ghazali (1964:7) menegaskan bahawa hubungan ilmu dan amal sangat erat sehingga menjadikan usaha menuntut ilmu tanpa tujuan untuk meningkatkan kualiti amalan atau beramal tanpa adanya ilmu adalah perbuatan yang gila dan sia-sia. Beliau menyatakan bahawa hanyalah dengan amalan yang berkualiti berdasarkan ilmu sahaja yang akan membawa kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Kesimpulan daripada penjelasan para sarjana Islam di atas menunjukkan amalan yang sempurna mestilah didasari dengan pengetahuan yang mencukupi bagi menghasilkan sesuatu amalan yang berkualiti. Begitu juga hal keadaannya dengan amalan solat fardu yang hendak dilakukan mestilah disertakan dengan pengetahuan yang jitu berkaitan ibadah solat.

1.7.2 Kerangka Kajian



Rajah 1.2: Kerangka Kajian Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Johor

Rajah 1.2 diatas adalah merupakan Kerangka kajian berkaitan “Pelaksanaan Solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor”. Dalam rajah ini, dinyatakan beberapa aspek yang dikaji terhadap pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Johor iaitu pengetahuan solat, pelaksanaan solat, faktor yang mempengaruhi mereka untuk menunaikan solat, faktor yang mempengaruhi mereka untuk meninggalkan solat dan kesan yang dirasakan oleh pelajar hasil daripada solat yang telah dilakukan. Kelima-lima aspek inilah yang difokuskan oleh penyelidik untuk dijadikan objektif kajian bagi mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor.

Disamping itu, penyelidik juga melihat hubungkait diantara dua pembolehubah iaitu pengetahuan solat pelajar dengan pelaksanaan solat dan hubungkait diantara faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menunaikan solat fardu dengan pelaksanaan solat tersebut. Hubungkait yang perlu dilihat oleh penyelidik

daripada dua pembolehubah ini ialah adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara kedua-dua pembolehubah tersebut atau sebaliknya. Pentingnya melihat hubungan diantara pengetahuan solat dengan pelaksanaannya adalah bertitik tolak kepada teori kesepaduan ilmu dan amal seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazali dalam kitabnya *Ayyuhal Walad* dan *Mizan al-'Amal*. Walau bagaimanapun, hubungan dan kesepaduan ilmu dan amal mestilah dirangkumi oleh nilai keimanan dan hati yang ikhlas agar hubungan tersebut sentiasa bertaut dan menjadi kukuh. Sebaliknya, jika hubungan ilmu dan amal tanpa didasari oleh nilai-nilai iman dan hati yang ikhlas, maka hubungan tersebut tidak akan berlaku dan sentiasa terungkai. Kesimpulannya hubungan di antara pengetahuan ibadah solat dan pelaksanaannya berkemungkinan terdapat kesignafikan atau tidak adalah bergantung kepada hubungan ilmu dan amal yang dipengaruhi oleh nilai-nilai iman dan hati yang ikhlas atau sebaliknya. Begitu juga pentingnya melihat hubungan pelaksanaan solat dengan faktor yang mendorong seseorang pelajar untuk menunaikan solat bagi melihat sama ada kebanyakan pelajar lebih terarah untuk menunaikan solat atau pun meninggalkannya. Hasil daripada itu dapat dilihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara pelaksanaan solat dengan faktor menunaikan solat atau pun sebaliknya.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik berkaitan tahap pengetahuan solat dan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor akan memberi manfaat dan faedah kepada mereka yang ingin mendapatkan maklumat tentang persoalan-persoalan yang diutarakan beserta dapatan kajian yang akan diperolehi. Ia juga memberikan gambaran dan jawapan sebenar tentang sikap pelajar terhadap kewajipan solat iaitu sama ada mereka mengambil berat ataupun memandang ringan terhadap kewajipan menunaikan solat ini.

Oleh kerana itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada semua pihak dalam mengenal pasti kaedah-kaedah yang sesuai dan positif untuk meningkatkan penghayatan pelajar terhadap ibadat solat. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan agar dapat membuka minda semua pihak yang terlibat supaya sentiasa bersikap positif terhadap arahan Allah SWT dan yakin bahawa adanya hikmah atas apa-apa yang diperintahkan itu. Beberapa pihak diharapkan mendapat manfaat daripada kajian ini ialah :

1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini diharap dapat memberi maklum balas dan maklumat tambahan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tentang kepentingan modal insan yang menjadi sasaran dan teras dalam dasar Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Nasional (PSPTN). Pembangunan modal insan bertujuan memastikan setiap pelajar melaksanakan solat secara *istiqamah* agar mereka menjadi insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelektual (JERI) seperti termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara. Penyelidik amat berharap agar penekanan dari segi spiritual dan rohani diberikan keutamaan oleh pihak kementerian agar negara mampu melahirkan generasi modal insan yang diharapkan.

1.8.2 Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK)

Hasil kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak Jabatan Pengajian Kolej Komuniti untuk menyusun program yang seimbang terutamanya dalam bidang ko-kurikulum dan kurikulum. Ianya dilakukan dengan memberi penekanan terhadap kepentingan pengetahuan solat dan pelaksanaannya sebagai alternatif kepada strategi pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada. Hasil daripada usaha yang

sedemikian itu akan melahirkan individu yang berupaya menjadi modal insan yang seimbang dalam aspek intelek, jasmani, emosi dan rohani serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

1.8.3 Kolej Komuniti

Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu dan menyokong pihak kolej untuk turut menjalankan program rohani dan dakwah ke arah mewujudkan keseimbangan modal insan dalam kalangan pelajar. Penekanan kecemerlangan tidak seharusnya menjurus kepada kecerdasan *kognitif* sahaja, tetapi juga kepada kecerdasan spiritual pelajar. Penumpuan kepada kedua-dua aspek ini, sudah pasti memberi impak yang besar kepada pembentukan generasi yang mempunyai jati diri yang kukuh, berdisiplin, bebas daripada gejala sosial yang tidak sihat serta secara tidak langsung cemerlang dalam pencapaian akademik.

1.8.4 Pensyarah-pensyarah

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi suntikan semangat kepada pensyarah-pensyarah untuk melaksanakan tugas seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara ke arah membentuk modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Profesion yang cukup hebat ini sudah pasti bertambah mantap apabila kalangan pensyarah-pensyarah bukan sahaja dapat membentuk diri mereka menjadi *murabbi*, malahan mereka juga memastikan anak didik mereka sentiasa kenal dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Kelangsungan ini sudah pasti akan memudahkan semua pihak dalam usaha melahirkan generasi modal insan seperti yang diamanahkan kepada pensyarah-pensyarah dalam dasar Pelan Strategik Pengajian Tinggi Nasional (PSPTN) itu.

1.8.5 Pelajar-pelajar

Hasil dari kajian ini diharapkan pelajar akan dapat memperbaiki diri dari sudut memahami solat dan mengamalkannya. Dengan mengetahui kepentingan solat dan kesan yang diperolehi hasil daripada solat dalam pelbagai sudut yang positif akan meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kewajipan solat. Mereka juga akan menyedari betapa pentingnya solat bukan sekadar kewajipan bagi setiap muslim semata-mata tetapi keperluan solat yang amat besar kepada manusia di dalam pelbagai sudut dan lapangan kehidupan yang meliputi aspek rohani, jasmani, emosi dan intelektual.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan keatas pelajar-pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor dari bulan September hingga Oktober 2014. Julat umur dalam kalangan responden kajian adalah sekitar 18-29 tahun dan lain-lain. Keseluruhan umur yang terlibat dalam kajian ini adalah responden yang telah selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian ini juga hanyalah melibatkan pelajar-pelajar di Kolej Komuniti sahaja bukannya pelajar-pelajar sekolah sama ada menengah atau rendah. Hal yang sedemikian ini dilakukan kerana pelajar Kolej adalah kelompok yang berbeza dengan pelajar sekolah dari sudut kematangan berfikir, pendidikan, pergaulan dan ketahanan mental. Selain itu, kajian ini memberikan tumpuan kepada pelajar muslim sahaja kerana *taklif* syarak terutamanya solat hanya diwajibkan ke atas orang Islam.

1.10 Definisi Istilah

Definisi istilah yang dikemukakan adalah untuk menjelaskan beberapa istilah secara spesifik yang berkaitan dengan tajuk kajian. Terdapat beberapa istilah yang perlu didefinisikan di dalam kajian ini supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. istilah-istilah tersebut ialah :

1.10.1 Solat

Ibn Manzur (1956:464) mentakrifkan Solat dari sudut bahasa sebagai doa untuk memperolehi kebaikan. Manakala al-Syarbini (1940:96), mentakrifkan Solat dari sudut istilah dengan beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan *takbiratulihram* dan diakhiri dengan salam berdasarkan syarat-syarat yang tertentu. Menurut Ensiklopedia Islam (2005: 121), solat adalah sesuatu ibadah yang mengandungi ucapan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan *takbiratulihram* dan diakhiri dengan salam dengan syarat tertentu. Dalam kajian ini solat yang dimaksudkan merujuk kepada solat fardu yang wajib dilaksanakan lima waktu sehari semalam ke atas umat islam yang berakal dan baligh.

1.10.2 Pengetahuan

Menurut Chabris (1983) bahawa pengetahuan ialah sebarang maklumat yang berguna bagi tugas yang dilakukan. Manakala Noriani (2009:16-17) bahawa pengetahuan ialah informasi atau maklumat yang diketahui atau disedari oleh seseorang. Dalam pengertian lain, pengetahuan adalah berbagai gejala yang ditemui dan diperolehi oleh manusia melalui pengamatan pancaindera. Dalam kajian ini,

pengetahuan adalah merujuk kepada pengetahuan berkaitan solat dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Negeri Johor.

1.10.3 Pelaksanaan

Menurut Aminuddin (2010:74) bahawa pelaksanaan bermaksud perihal, kebolehpayaan melaksanakan, menjalankan atau mengusahakan. Dalam kajian ini pelaksanaan adalah merujuk kepada pengamalan ibadat solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor.

1.10.4 Kolej Komuniti

Kolej Komuniti merupakan satu sistem pendidikan tinggi di Malaysia di bawah pengurusan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pada 5 Julai 2000, Jemaah Menteri telah membuat pertimbangan ke atas Memorandum No. 398/2225/00 yang telah dikemukakan oleh Menteri Pendidikan tentang konsep penubuhan dan pelaksanaan Kolej Komuniti di setiap kawasan parlimen. Kolej ini akan menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Kini Kolej Komuniti berada di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan mempunyai matlamat yang sama seperti di awal penubuhannya. Sebagai salah sebuah institusi pendidikan di Malaysia, peranan Kolej Komuniti telah diperluaskan. Kolej Komuniti telah ditubuhkan dengan lebih banyak di serata negara, khusus untuk membentuk komuniti yang lebih dinamik (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan

Malaysia, 2013). Dalam kajian ini, Kolej Komuniti yang dijadikan lokasi kajian adalah merujuk kepada Kolej Komuniti Negeri Johor.

1.11 Kesimpulan

Secara umumnya, amalan solat fardu merupakan suatu amalan yang mulia dan amat dituntut disisi Allah SWT. Solat merupakan pengubat penyakit rohani dan jiwa bagi setiap manusia. Ia juga bertujuan bagi mengangkat darjat manusia lebih tinggi dari sekalian makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT dan menjadi sebaik-baik makhluk disisi Allah SWT. Dengan solat juga menjadi lambang ketaatan yang sejati antara seseorang hamba itu kepada tuhanya sehingga boleh menimbulkan kecintaan dan kasih-sayang tuhan kepada hambanya. Namun sebaliknya, keingkaran dan kelalaian seseorang hamba terhadap kewajipan solat boleh mengundang kemurkaan Allah SWT sehingga jauh dari rahmatnya. Kesannya akan menyebabkan seseorang hamba itu bakal ditimpa bencana buruk terhadap kehidupannya dalam pelbagai sudut. Oleh kerana itu, peliharalah solat dengan sebaik-baiknya dan tunaikanlah dengan penuh keikhlasan dan ketaqwaan kepada Allah SWT bagi menjamin kebahagiaan dan kejayaan di dunia serta di akhirat. Pensyariatan solat juga mengandungi hikmah yang boleh dilihat berdasarkan logik akal yang meliputi pelbagai aspek seperti kesihatan, kekuatan mental, fizikal, kestabilan emosi, iltizam yang tinggi dan kemurnian akhlak.

RUJUKAN

Abdullah Basmeih (2010). *Tafsir Pimpinan Al- Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Edisi 14. Kuala Lumpur : Darul Fikri.

Abdul Malik Karim Amrullah, Prof Dr (1983). *Tafsir al-Azhar*. j.5.c.2. Jakarta: Pustaka Panjimas

Abdullah Muhammad al-Basmih (2000). *Mastika Hadis Rasulullah*. c.6.j.2. Terbitan Bahagian Hal-Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Abdul al-Kholee (2002). *Solat Mendidik Jiwa*. c.2. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.

Abdul Ghani Azmi Hj. Idris (1998). *Pedoman Solat-solat Sunat Menurut Sunnah Rasul*. c.3. Kuala Lumpur : Darul Nu'man

Abu Hassan Osman (1980). *Masalah Penyelidikan di Kota : Suatu Analisis Ringkas dalam Kaedah Penyelidikan Sosial: Suatu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar, pnyt*. Wan Hashim, Teh Chew Peh dan Shamsul Amri Baharuddin. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adibah Abdul Latif (2013). *Pembangunan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

Ahmad, Muhammad bin Hanbal (1995). *Al-Musnad ibn Hanbal*. j.20. Kaherah : Dar al- Hadis.

Ahmad Syafi'i Khatib (2005). *Hikmah Sembahyang*. c.1. Selangor: Jasmin Enterprise.

Ajmain @ Jimaain Safar (2012). *Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Berasaskan Rakan Sebaya*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia

Amran Kasimin, Dr (1992). *Bagaimana mencegah kejahatan melalui sembahyang*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur : Dinie Publishers.

Aminuddin Ruskam (2002). *Sikap Masyarakat Malaysia Terhadap Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam: Kes Rujukan di Negeri Johor Darul Takzim*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Tamadun Islam, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

‘Amir bin ‘Abdul ‘Aziz, Dr (2000). *Tafsir Syamil*. Lubnan : Maktabah Dar al-Salam

‘Amir Abdul Aziz, Dr. (1999). *Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah*. c. 1.j.1. Maktabah Dar al-Salam.

Anisah Ghani,Dr. (2004). *Konsep Pengamalan Solat: Kajian Pada Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabi'in*. c. 1. Kuala Lumpur : Al- Hidayah Publishers.

‘Asqalani, Imam Ibn Hajar (1997). *Fathul Bari, penjelasan Kitab Sahih al Bukhari (terjemahan)*. c.1. Jakarta : Pustaka Azzam. Ditahqiqkan oleh Syeikh Abdul Aziz Abdullah bin Baz

- Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib (2009). *Tinjauan terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat*. Journal of Islamic and Arabic Education. Universiti Putra Malaysia
- Azrilah Abdul Aziz (2012). *Asas model rasch : pembentukan skala dan struktur pengukuran*. Penerbit UKM.
- Azrilah Abdul Aziz (2010). *Rasch Model Fundamentals: Scale Construct and Measurement Structure*. Kuala Lumpur: Integrated Advance Publishing
- Azrilah, A.A., & Saidfudin, M. (2008). *Application of Rasch model in validating the construct of measurement*. International Journal of Education and Information Technologies. Volume 2. Page 105-112
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanim (2013). *Peranan Agama Terhadap Remaja Berisiko di Kuala Terengganu*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam
- Bateman, A., Teasdale, T.W, dan Willmess, K. (2009). *Assessing construct validity of the self rating version of the European Brain Injury Questionnaire using Rasch Analysis*. Neuropsychological Rehabilitation: An International Journal. Volume 19, Issue 6. Hlmn 941-954
- Bukhari al-Ju'fi, Hafidz Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin al-Bardazbah (2001). *Shahih Bukhari*. j.1. Kaherah, Dar al-Manar.
- Che Zarrina Sa'ari (2001). *Penyakit Gelisah (Anxiety / al-Halu') dalam Masyarakat Islam dan Penyelesaiannya Menurut Psiko-Spiritual Islam*. Jurnal Usuluddin. Bil.14, Disember 2001. 19-20.

- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education*. Ed. ke-5. London: Routledge Falmer.
- Cohen, R.J. & Swerdlik, M.E. (2002). *Psychological testing and assessment: An introduction to test and measurement*. Ed. ke-5. Boston: Mcgraw-Hill.
- Farisi, ‘Alauddin ‘Ali Ibn Balban (1996). *Shahih Ibn Hibban, c.2. j.3*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Fatimah Ibrahim *et. al* (2009). *Solat kebaikan dari Perspektif Sains*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Faizatul Najihah & Faudzinaim (2016). *Nilai-nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali*. UMRAN International Journal of Islamic and Civilization Studies : UTM
- Fazlur Rahman (1992). *Kesihatan dan Perubatan dalam Tradisi Islam :Perubahan dan Identiti*. c.1. Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Dinukil daripada al-Zahabi dalam kitab al-Tib.
- Gay, L. R & Airasian, P. (2003). *Educational Reserch: Competencies for Analysis and Application*. Ed. ke-6. New Jersey: Pearson Education.
- Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1998). *Ihya’ Ulum al- Din, j.5*. Kaherah : Maktabah Misr.
- Ghazali, Imam (1993). *Kesilapan ketika sembahyang*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur. Darul Nu’man.
- Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1997), *Aqidah Muslim*, Ismail Hashim (terj.), Batu Caves: Thinker’s Library.

- Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1993). *Ayyuhal-Walad*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasr al-Islamiyyah.
- Ghazali, Abu Hamid Muhammad. *Mizān al-'Amal*, ed. Sulaymān Dunyā. Misr: Dār al-Ma'ārif, 1964.
- Haddad, Mukmin Fathi (2008). *Perbaharuilah Solat Anda : Tips Solat Khusyuk dan Melawan Bisikan Syaitan (Terjemahan)*.c. 8. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publication.
- Hanafi Mohamed, Drs. (2006). *Hukuman Meninggalkan Sembahyang*. c.8.Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.
- Hague,P. & Harris, P. (1993). *Sampling and Statistics*. London: Kogan Page Limited.
- Haron Din, Dr (2003). *Manusia Dan Islam*. Edisi Kelima. Selangor : Hizbi Sdn. Bhd
- Hasna Bidin (2012). *Kajian Kefahaman dan Pelaksanaan Ibadat Solat Fardu dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kolej Komuniti Bandar Penawar.
- Hasnah Hassan *et.al* (2012). *Faktor Pelajar Mengabaikan Ibadah Solat Fardu: Satu Kajian Kes dalam Kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Bayan Baru, Pulau Pinang*. Prosiding Seminar Kolej Komuniti Bayan Baru, Pulau Pinang.
- Hilmi Ismail (2010). *Pengamalan Solat Fardu di kalangan Mahasiswa di TATI University College (TATiUC) Kemaman Terengganu*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam : Universiti Malaya, Kuala Lumpur

- Ibn Manzur, Imam (1956). *Lisan al- 'Arab*.c.1. j.4. Beirut, Lubnan : Dar al-Sadr
- Iran Herman (1999). *Analisis Statistik Diskriptif*. Kajang : Terbitan Tekno Edar.
- Ismail Kamus, Dato'.(2009). "*Indahnya Hidup Bersyariat*". Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Jainal Sakiban (2007). *Empat Puluh Hadis Membudayakan Sunnah*.Terbitan Jabatan Agama Johor
- Jamaludin Ahmad (2002). *Kesahan, Kebolehpercayaan dan Keberkesanan Modul Program Maju Diri Ke Atas Motivasi Pencapaian Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Negeri Selangor*. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Jawziyyah, Imam Syamsuddin Muhammad Abi Bakr Ibn al-Qayyim (2006).*Rahsia Solat dan Hukum Meninggalkannya*. (Terjemahan dari Kitabus Solah Wa Hukmu Tarikuha oleh Amir Hamzah Fakhrudin & Drs. Kamaluddin Sa' diatul Haramaini) c.1. Selangor : Pustaka Dini.
- Jawziyyah, Imam Syamsuddin Muhammad Abi Bakr Ibn al-Qayyim (1998). *al-Solah wa Hukmu Tarikuha*. c.2. Beirut : Dar Ibn Hazm.
- Jawziyyah, Imam Ibn Qayyim (2004). *Kitab Madarij al-Salikin*. c.1. j.1. Beirut, Lubnan : Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Jaza'iri, Abu Bakar (2004), *Aqidah al-Mukmin*, Qaherah: Dar al-Aqidah.
- Johari Yaman (2012).*Bimbingan Penghayatan dan Kesempurnaan Solat*. C.24.Kuala Lumpur : Nadi Minda Resources.
- Johari El-Yamani dan Ustaz Junaid Talip (2003). *As -Solat : Naskhah Lengkap Bimbingan Ibadah Solat yang menuntut ke arah kesempurnaan Iman, Perlaksanaan Hukum, Kemuliaan Akhlak dan Kedaulatan Kehidupan Sejagat*.Kuala Lumpur : Al- Hidayah Publishers.

- Johari El-Yamani dan Junaid Talip (1999). *As-Solat*. Batu Caves: Galeri Watikah.
- Jurjani, Imam Ali bin Muhammad bin Ali (t.t). *Kitab al-Ta'rifat*. Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Landell, K. (1997). *Management by menu*. London : Wiley and Sons Inc.
- Linn, R.L. & Miller, M.D. (2005). *Measurement and assessment in teaching*. Ed. Ke-9. New Jerse: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Mahmud Syaltut (1987). *al-Islam Aqidah Wa al- Syariah*. Beyrut-Lubnan: Dar al-Syuruq.
- Messick,S. (1995). *Standards of validity and the validity ofstandardsin performance assessment*. Educational Measurement: Issues and Practice,14 (4).
- Mohd Salleh Hj.Ahmad (Mac 2003). *Solat Jamaah: Satu Huraian Menurut Mazhab Syafie*. c.2. Intel Multimedia and Publication.
- Mohd Subki Abd Rahman. (2011). *Solat Berjemaah Asas Kekuatan Peribadi, Masyarakat dan Ummah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Mohd. Hashim Yahaya (2011). *Ensiklopedia Solat*. c.1. Terbitan Telaga Biru.
- Md Nazir Ibrahim (2013). *Kefahaman dan Penghayatan Amalan Solat dalam Kalangan Orang Asli, Pos Pulat, Gua Musang, Kelantan*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Mohammad Yusri Yubhi Md Yusoff (2008). *Kefahaman dan Pengamalan Solat Berdasarkan Sunnah Rasulullah : Satu Kajian di kalangan Masyarakat Islam Singapura*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam : Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004). *Pengabaian Solat Fardu di kalangan Remaja : Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasir Putih, Kelantan*. Disertasi Sarjana Universiti Malaya. Kuala Lumpur : Perpustakaan Universiti Malaya.
- M. Siddiq Mustika (2009). *Solat Khusyuk Solat S.M.A.R.T*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Pembinaan Analisis Ujian Bilik Darjah*. Edisi kedua. Penerbit UTM. Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*, c.7. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yaakub @ Zulkifli bin Hj Mohd Yusoff & Saidi bin Mohd (tt). *Keupayaan bacaan Al-Quran dikalangan pelajar tingkatan empat : Kajian di beberapa Sekolah Menengah terpilih dinegeri Terengganu*. Universiti Malaya.

- Mohd Zainal Abidin Che Mood (2012). *Amalan Solat Fardu di Kalangan Pelajar PISMP Semester 3 Ambilan Januari 2012*. Institut Pendidikan Guru, Kampus Ilmu Khas, Cheras Kuala Lumpur.
- Mubarkafuri, al-Hafidz Abi al-U'la Muhammad 'Abdurrahman ibn 'Abdurrahim (2001). *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmidzi*. j.2.c.1.Kaherah: Dar al- Hadis
- Muhammad Na'im Yasin, Dr. (1991), *al-Iman, Arkanuha, Haqiqatuhu, Nawaqiduhu*, Kaherah : Maktabah al-Sunnah.
- Muhasibi, Imam (tt). *Kitab al-Qasdu wa al-Ruju' ila Allah*. Dar al-Turath al-'Arabi.
- Mustafa al-Khin *et. al*, Dr. (April 2004). *Al-Fiqh al-Manhaji (terjemahan)*. c.3. j.1. Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Mok, S. S. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Perak: Penerbitan Multimedia.
- Nasaei, Hafidz Abdul Rahman Ahmad bin Syuaib bin Ali al-Khurasani (2003). *Sunan An-Nasaei*, c.2. j. 1. Beirut, Lubnan : Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Nawawi, Imam Abi Zakariyya Syaraf (1994). *Syarah Sahih Muslim (Terjemahan)*. Pentahqiq: 'Isham Ash-Shababithi *et. al* . j.2. c.1.Jakarta: Dar al-Mustaqim.
- Nawawi, Imam Abi Zakariyya Syaraf (tt). *Kitab al-Majmu' Syarah Muhadzab*. j. 1. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Norazah Abd Aziz (2011). *Kaedah Menangani Stress dengan Solat*. Journal of Islamic and Arabic Education. Jabatan Multimedia Kreatif, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif : Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak Darul Ridzuan

- Noor Azira Yusoff (2008). *Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriani Jamal (2009). *Hubungan Tahap Pengetahuan Solat dan Tahap Amalan Solat dengan Pencapaian Akademik di kalangan pelajar dalam Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Gambir, Ledang Johor*. Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Skudai, Johor.
- Norlyana Sulong (2006). *Tahap Pengamalan Pelajar Terhadap Tanggungjawab Solat :Satu Kajian di Kolej 11*. Fakulti Pendidikan : Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.
- Noor Suriani Nazrudin (2000). “*Penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukarela: satu tinjauan di ITTHO*”. Kajian kes. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia
- Nur Dalilah Zakaria (2013). *Pelaksanaan Ibadat Solat dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI*. Jurnal Syariah, Jil.21, Bil. 2, Hal. 145–164, Jabatan Usul Fiqh:Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nursafra binti Mohd Zhaffar *et al.* (2012). *Penggunaan Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ibadah*. Jelevu: Kolej Komuniti Jelevu.
- Nurulazidah Jaafar, Fazlina Fadzil (tt). *Kajian Pembacaan Rukun Qauli di dalam solat dalam kalangan pelajar-pelajar muslim Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. (Kajian Tindakan)*. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan.

- Othman Napiah (2006). *Pembersihan jiwa peranannya dalam menangani masalah sosial di kalangan belia : Satu kajian kes di Pusat Latihan Kerohanian di Malaysia*. Skudai :Universiti Teknologi Malaysia
- Puspa Adam (2014). *Pengamalan Solat Fardu di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Sukan Negeri SMK Seri Kota, Melaka*. Projek Sarjana, Pendidikan Islam: Universiti Terbuka, Melaka
- Qazraini, Hafidz Abi Abdillah Muhammad ibn Yazid (1998). *Sunan Ibn Majah*. c.1. j.1. Kaherah : Dar al- Hadith.
- Qursyi al-Damsyiqi, al-Hafiz Abi al-Fida' Ismail Ibn Kathir (tt) *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. (Ditahqiq oleh Muhammad Ali al-Sobuni) j.2. Kaherah: Dar al-Sobuni
- Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari (1993). *Jami' Li -Ahkam al- Quran*. j.4. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Qusyairi al-Naisaburi, Abu Muslim ibn al-Hujjaj (1995). *Shahih Muslim*. j. 9. Beirut : Dar al- Kutub al-Ilmiyyah
- Rahimah Shahar (2006). *Pembangunan Laman Web Sebagai Media Pengajaran Di Politeknik Port Dickson: Topik Garis Imbas*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rahmat Abdullah & Mohd Toriq Sulaiman (2013). “*Tahap Kefahaman dan Pelaksanaan Ibadat Solat Lima Waktu di kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Selandar*”. Prosiding Seminar Penyelidikan Kolej Komuniti Selandar, Melaka
- Robert V. Krejcie, Daryle W. Morgan. (1970). Determining sample size for research activities National Emergency Training Center.

- Rosmaziah Abdul Kadir & Ramli Awang (2009). *Amalan Solat Sunat Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia*
- Sajastani al-Azdi, Hafidz Abi Daud Sulaiman Ibn -Asy'as (1995). *Sunan Abi Daud*. j. 1. Beirut, Lubnan : Maktabah al-Asriyah.
- Salasilah Hanim Hamjah *et.al.* (2012). *Perkaitan Amalan Spiritual dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Jurnal Pendidikan Islam : UKM
- Sayyid al-Sabiq (1999). *Fiqh Sunnah*. j. 1, c.2. Kaherah, Dar al- Fattah Lil 'I'lam al- Arabi.
- Sayyid Sabiq (1990). *Fiqh Sunnah* (Edisi terjemahan oleh Mahyuddin Syaf) j.1. Kuala Lumpur : Victory Agencie.
- Sayyis, Muhammad Ali *et. al* (1996). *Tafsir Ayat Al-Ahkam*. c.2.j.1. Dar Ibn Kathir.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Ed. ke-4. John Wiley & Sons Inc.
- Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham (2013). *Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sharifah Nur Abu (2010). *Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak*. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak
- Shukri Ahmad *et.al*, Dr. (2014). *Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia*. Prosiding Sains Sosial, Kota Kinabalu : Sabah

- Siti Rahaya Ariffin. (2008). *Inovasi dalam pengukuran dan penilaian Pendidikan*.
Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Siti Fatimah Salleh. (2011). *Muslimah dan Masjid dari Perspektif Aktiviti Ibadah*.
Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Fakulti Pengajian Kontemporari
Islam : UNISZA
- Suhayb Hasan, Dr. (1996). *Why Do We Pray ?*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- Syarbini, Syeikh Syamsuddin bin Muhammad al-Khatib (1994). *Mugni al-Muhtaj*.
j.1, c.1. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Syarbini, Syeikh Syamsuddin bin Muhammad al-Khatib (1940), *al-Iqna` fi Hall
Alfaz Abi Shuja`*, Jil.1, Kaherah : Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Syaukani, Imam al-Mujtahid al-Allamah Muhammad bin Ali (2004). *Nail al- Author*.
j.1. c. 3. Beirut , Lubnan: Dar al-Kutub Ilmiah.
- Syaukani, Imam Muhammad bin ‘Ali (2003). *Nailul Author Syarh Muntaqal
akhbar min ahadis sayyidil akhyar*. j.1.c.2. Mansoura : Dar al-Wafa’
- Syaukani, Muhammad Ali (1994). *Fathul Qadir*. c.1. j.1. Maktabah Dar al-Wafa’.
- Tirmidzi, Abu ‘Isa Muhammad ‘Isa bin Saurah (t.t). *Jami’ al-Tirmizi*. Arab Saudi :
Bait al-Afkar al- Dauliyyah
- Wahbah al-Zuhaili, Dr. (1987). *Al-Feqah Al-Islami Wa-Adillatuhu*. j. 1. Damsyik :
Dar Al- Fikir.
- Wan Hassan Wan Embong (2013), *Keberkesanan Pengajaran Pendidikan Akidah
Ting. 4 :Kajian Ke atas Guru-guru Cemerlang Pendidikan Islam di Daerah
Johor Bahru* (Tesis PhD) . Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi
Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Wan Ismail Wan Dagang (2009). *Hubungan antara Pelaksanaan Ibadat Solat dan Kecerdasan Emosi dengan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian di Dalam Satu Sekolah Menengah di Daerah Segamat*. Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Skudai, Johor.
- Wiersme, W. (1995). *“Research Methods In Education : An Introduction.”* 6th Ed. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Yusuf al-Qardhawi, Dr. (1996). *Fatawa al-Mu’asarah*. j.1, c.6. Kaherah: Dar al-Qalam li al-Nasyr wa al-Tawzi’.
- Yusuf al-Qaradawi, Dr. (1995). *al-‘Ibadah Fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zahabi, Imam al-Hafidz Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Uthman (1995) *Kitab al-Kabair*. c.1. Damsyiq : Dar al-Khayr.
- Zaharuddin Abd Rahman (2008). *“Formula Solat Sempurna”*. Kuala Lumpur. Telaga Biru
- Zuhairi, Muhammad Aiman (2009). *Rahsia Mencapai Khusyuk Dalam Solat*. Pustaka al-Azhar, Johor Bahru.
- Zulkifli Che Ahmad (2006). *Amalan Solat Jemaah : Satu Kajian di Jajahan Tumpat*. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh & Usul Fiqh. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Zulkiple Abd Ghani, Dr & Nor Salimah Abu Mansor (tt). *Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap beberapa pandangan Imam Ghazali*. Jurnal Pendidikan Islam : UKM